

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 OGOS 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Industri CCUS dijangka tingkat KDNK negara sehingga RM1.1 trillion

Industri CCUS dijangka tingkat KDNK negara sehingga RM1.1 trillion



200,000 peluang pekerjaan baharu diwujud, tambah bakat tenaga kerja tempatan

Oleh Mahanun Abdul Aziz
mahanun_aziz@bh.com.my

Industri Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) dijangka akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak AS\$200 billion (RM880 billion) hingga AS\$250 billion (RM1.1 trillion) dalam tempoh 30 tahun akan datang, kata Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron.

Beliau berkata, berdasarkan laporan disediakan McKinsey kepada PETRONAS, nilai pelaburan industri CCUS dijanjikan mencapai lebih AS\$200 billion dalam

tempoh itu, sekali gus memberi nilai tambah besar kepada ekonomi negara.

"Kita lihat unjuran ini besar dalam tempoh 30 tahun. Ia adalah suatu ekonomi baharu yang ingin kita ketengahkan kerana bersama dengan CCUS adalah teknologi dan pelaburan yang boleh ekonomi manfaatkan," katanya kepada BH dalam satu temu bual.

Nor Azmie berkata, industri CCUS boleh mendorong pertumbuhan industri baharu serta menggalakkan peserta industri tempatan terbabit dalam pembangunan dan penggunaan teknologi baharu.

Beliau berkata, CCUS juga dilihati sebagai pemangkin perubahan kepada nilai ekonomi baharu di negara ini dengan menggunakan teknologi baharu.

Katanya, sebelum ini tidak pernah terfikir karbon dioksida (CO₂) dapat diperangkap, tetapi menerusi teknologi, ia mampu dilakukan.

Malah, jelasnya CO₂ yang diperangkap itu juga boleh disimpan dalam tenaga minyak yang sudah

selesai aktiviti penerokaan sebelum ini.

"Ini semula teknologi baharu dan sekiranya kita tidak ambil kesempatan kepada perkara ini, kita akan ketinggalan dari segi teknologi."

"Selain teknologi dan pelaburan, CCUS juga akan menyumbang kepada penciptaan pekerjaan baharu dan meningkatkan bakat tenaga kerja negara setanding bakti antarabangsa," katanya sambil menambah sehingga kiranya 200,000 peluang pekerjaan baharu setahun dijangka diwujud.

judikan ketika aktiviti puncak, yang mana 85 peratus adalah pekerjaan berkemahiran dengan pelaksanaan CCUS.

Kerjasama rangka RUU lancar
Mengenai Rang Undang-Undang (RUU) CCUS, Nor Azmie berkata, ia dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi Oktober-Disember ini.

Beliau berkata, pada ketika ini, Kementerian Ekonomi sedang mengadakan perbincangan intensif dengan pelbagai pihak, termasuk semua pihak industri, keraja-

an negeri, jabatan dan agensi bagi mendapatkan input.

Sejak itu, katanya, kerjasama daripada semua pihak untuk menyediakan rangka undang-undang berkenaan berjalan lancar dan pihaknya yakin dapat membentang rang undang-undang itu seperti dijadualkan.

Kementerian Ekonomi meluncurkan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) pada 2023 yang mengiktiraf CCUS sebagai salah satu strategi baharu pertumbuhan ekonomi bagi menyokong pertumbuhan hijau dan rendah karbon.

Jemaah Menteri pada 21 Mei lalu bersetuju agar satu RUU kawal selia khusus mengenai CCUS digubal, diwarta dan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia sebelum akhir 2024.

Melalui NETR, kerajaan menyaraskan penghasilan tenaga boleh baharu sebanyak 70 peratus menjelang 2050 untuk menjamin bekalan tenaga yang mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan api fosil.

Kita lihat unjuran ini besar dalam tempoh 30 tahun. Ia adalah suatu ekonomi baharu yang ingin kita ketengahkan kerana bersama dengan CCUS adalah teknologi dan pelaburan yang boleh ekonomi manfaatkan.

Nor Azmie Diron,
Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi

